

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan:-

- (a) berapa jumlah premis Tabika KEMAS yang memerlukan pembaikan segera di seluruh negara; dan
- (b) apakah inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak KEMAS dalam memastikan semua premis KEMAS sentiasa diselenggara dan dapat beroperasi dengan selamat dan kondusif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga tahun 2020, KEMAS mempunyai sebanyak **697 buah premis** TABIKA KEMAS yang memerlukan pembaikan segera di seluruh negara. Walaubagaimanapun, pelaksanaan baikpulih adalah tertakluk kepada peruntukan semasa yang diterima dan status pemilikan tanah dan bangunan yang akan dibaikpulih. Dengan peruntukan terhad yang diterima, Kementerian mensasarkan untuk membaikpulih sebanyak 200 buah premis setiap tahun termasuk melaksanakan penyelenggaraan mengikut keperluan bagi bangunan yang bukan daif.

NO. SOALAN : 11

Untuk makluman Yang Berhormat, KEMAS sentiasa memberi perhatian kepada aspek penyelenggaraan keselamatan semua premis di bawah seliaannya untuk memastikan ia beroperasi dengan baik dan selamat. Hal yang demikian, KEMAS sentiasa mengemaskini senarai premis yang perlu dibaikpulih dan dinaiktaraf dari semasa ke semasa. Berdasarkan Peruntukan Pembangunan dan Peruntukan Mengurus yang telah diluluskan oleh Kerajaan, KEMAS akan melantik agensi teknikal untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan yang telah dikenalpasti.

Dalam RMKe11, KEMAS telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM15 juta dan dengan peruntukan tersebut sebanyak 169 premis telah dan sedang dibaikpulih, manakala untuk peruntukan mengurus sebanyak RM30 juta telah diluluskan dan sebanyak kira-kira 1,500 premis TABIKA/ TASKA yang telah dan sedang dibaikpulih dari tahun 2016 hingga tahun 2020.

Sekian, terima kasih.